

## Dr. Mahathir akan ketua lagi rombongan dagang ke Amerika

KUALA LUMPUR, Jumaat.— Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengetuai satu rombongan menarik pelaburan Amerika Syarikat selama tiga minggu bulan Oktober depan.

Kira-kira 15 orang pegawai peringkat tinggi akan menyertai rombongan itu yang dikendalikan oleh FIDA.

Inilah lawatan kedua Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian ke luar negeri atas tujuan tersebut. Bulan Mei lalu beliau juga mengetuai serombongan pegawai melawat negara-negara Eropah selama tiga minggu.

Sumber-sumber Jabatan Perdana Menteri memberitahu, rombongan Timbalan Perdana Menteri itu akan

mengadakan perjumpaan dan seminar pelaburan di bandar-bandar besar di negara itu seperti di New York, Chicago dan lain-lain bandar.

Menurut beliau, rombongan itu juga akan mengadakan perjumpaan dengan Pertubuhan Perjanjian Asia Tenggara (SEATO).

Katanya lagi, Datuk Seri Dr. Mahathir juga akan merasmikan pembukaan sebuah cawangan Bank Bumiputra di bandaraya New York pada 4 Oktober.

Sumber-sumber itu menyatakan, inilah cawangan Bank Bumiputra yang pertama dibuka di Amerika Syarikat dan sehingga ini bank tersebut telah mempunyai cawangan-cawangannya di Britain, Tokyo dan Hong Kong.